

Pelaburan merujuk kepada _____ dalam sesuatu usaha seperti pengeluaran barang, perniagaan, pembangunan syarikat, dan sebagainya dengan harapan mendapat keuntungan yang _____. Terdapat pelbagai jenis pelaburan di negara kita. Setiap pelaburan mempunyai _____ tertentu. Sesetengah daripada pelaburan tersebut berisiko tinggi. Ada juga pelaburan yang berisiko rendah. _____ sememangnya bertepatan dengan peribahasa "untung sabut timbul, untung batu tenggelam". Hal ini dikatakan demikian kerana mereka akan _____ atau mengalami kerugian pada bila-bila masa sahaja.

Antara jenis pelaburan yang disarankan oleh pakar ekonomi termasuklah amanah saham. Hakikatnya, amanah saham bersifat skim pelaburan sederhana jangka pendek, _____, dan simpanan masa hadapan. Pelaburan Unit Amanah, Amanah Saham Bumiputera (ASB), dan Amanah Saham Nasional (ASN) merupakan pelaburan paling rendah risikonya berbanding dengan pelaburan-pelaburan lain. Pelaburan ini bukan sahaja dijamin oleh pihak berkuasa, bahkan juga dikendalikan oleh pengurus dana yang _____. Kesannya, pelabur boleh menjanakan keuntungan yang lebih tinggi berbanding dengan simpanan wang di bank. Sekiranya berlaku kecemasan yang memerlukan _____, pemegang unit boleh menjual balik saham atau menebus unit saham tersebut semula.

Jenis pelaburan lain ialah pelaburan pendidikan. Contohnya, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan Pelan Pendidikan BSN Prudential. Hal ini disebabkan pelaburan tersebut meningkatkan keupayaan seseorang individu untuk _____ kerjaya dan pendapatan yang lebih baik. Pelaburan jangka masa panjang ini juga dapat digunakan untuk membiayai _____ di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pihak SSPN pula menawarkan keistimewaan pelepasan _____ sehingga RM6 000 setahun berdasarkan simpanan bersih tahun semasa. Dengan ini, pelabur dapat mengurangkan pembayaran cukai dan _____ untuk tujuan pendidikan peringkat tinggi.

Masyarakat juga patut melabur dalam pelaburan kesihatan. _____ seperti Insurans Kesihatan, Insurans Hayat, dan Insurans Kewangan dikatakan dapat _____ kewangan pesakit kerana syarikat pelaburan kesihatan akan menanggung sebahagian daripada _____. Jumlah tersebut bergantung pada premium yang dibayar oleh pelabur. Di samping itu, anggota keluarga pesakit yang mempunyai Insurans Hayat juga akan menerima sejumlah wang andainya individu tersebut _____ akibat penyakit-penyakit tertentu yang tersenarai di bawah penyakit yang dilindungi oleh pihak insurans. Tindakan membeli insurans kesihatan seiring dengan peribahasa "sediakan payung sebelum hujan" kerana "malang tidak berbau".

Kesimpulannya, pelaburan Amanah Saham, pelaburan pendidikan, dan pelaburan kesihatan bukan sahaja berisiko rendah, bahkan mendatangkan _____ kepada anggota masyarakat. Melalui pendidikan, masyarakat dapat menanggungkan penggunaan wang yang diperoleh untuk kegunaan _____. Wang yang dilaburkan itu juga sebenarnya menjadi penggerak kepada kemajuan ekonomi negara. Oleh itu, orang ramai digalakkan melabur demi _____, keluarga, dan negara.